

**ANALISIS TANTANGAN TERHADAP PEMERIKSAAN INTERNET
KELARASAN MUSIM DI KALONGONI SEMPANG JKT**

NURUL AFIAH BINTI MOHD FAZLI

**FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2009

CH: 7499

1100076426

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (UMT)
Universiti Malaysia Terengganu

LP 26 FST 2 2009



1100076426

Analisis faktor terhadap penggunaan internet : kajian kes di kalangan pelajar UMT / Nurul Afifah Mohd Fadzil.



PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100076125

1100076429

Lihat sambutan

HAK MILIK

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH UMT

**ANALISIS FAKTOR TERHADAP PENGGUNAAN INTERNET : KAJIAN KES DI
KALANGAN PELAJAR UMT**

Oleh

Nurul Afifah Binti Mohd Fadzil

Projek Ilmiah Tahun Akhir ini diserahkan untuk memenuhi
sebahagian keperluan bagi
Ijazah Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan)

JABATAN MATEMATIK
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
2009



JABATAN MATEMATIK
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PENGAKUAN DAN PENGESAHAN LAPORAN MAT 4499B

Adalah ini diakui dan disahkan bahawa laporan penyelidikan bertajuk ANALISIS FAKTOR TERHADAP PENGGUNAAN INTERNET – KAJIAN KES DI KALANGAN PELAJAR UMT oleh NURUL AFIFAH BINTI MOHD FADZIL, No. Matriks: UK13593 telah diperiksa dan semua pembetulan yang disarankan telah dilakukan. Laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Matematik sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Matematik Kewangan Fakulti Sains dan Teknologi, UMT.

Disahkan oleh:

.....
.....

Penyelia Utama

MUHAMAD SAFIIH BIN LOLA

Nama: *Pensyarah*
Jabatan Matematik
Fakulti Sains dan Teknologi
Cop Rasmi: Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Terengganu

Tarikh: 05/05/09

Ketua Jabatan Matematik

Nama:

Cop Rasmi:

Tarikh: 15/05/09

DR. HJ. MUSTAFA BIN MAMAT
Ketua
Jabatan Matematik
Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Terengganu

PENGAKUAN

Saya mengakui Projek Ilmiah Tahun Akhir yang bertajuk ANALISIS FAKTOR TERHADAP PENGGUNAAN INTERNET – KAJIAN KES DI KALANGAN PELAJAR UMT adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan : *affah*

Nama : NURUL AFIFAH BT MOHD FADZIL

No. Matrik : UK 13593

Tarikh : *5/5/09*

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur kehadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya saya dapat menyiapkan Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA) ini dengan jayanya. Dengan semangat dan sokongan daripada semua pihak menjadi pendorong kepada saya untuk menyiapkan projek ini dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia projek, iaitu Dr Safiyyah Bin Lola atas nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar yang diberi sepanjang tempoh penyelidikan ini dijalalankan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih diucapkan kepada Penyelia PITA, Pn Azlida Binti Aleng yang telah menyelia PITA ini.

Sekalung ucapan terima kasih kepada ahli keluarga tercinta kerana banyak memberi galakan dan dorongan dalam menyiapkan projek ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang telah terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Projek Ilmiah Tahun Akhir saya ini. Jasa dan pengorbanan anda amatlah dihargai.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada para pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) kerana sudi menjadi responden dalam kajian ini dan memberi kerjasama yang sebaiknya dalam menyiapkan projek ini. Jutaan terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Jasa anda amat saya hargai

ANALISIS FAKTOR TERHADAP PENGGUNAAN INTERNET – KAJIAN KES DI KALANGAN PELAJAR UMT

ABSTRAK

Internet adalah satu alat perhubungan yang amat berpengaruh. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi penggunaan internet ini. Kajian ini bertujuan mengkaji faktor yang mempengaruhi penggunaan internet serta tahap kemahiran komputer dan internet pelajar UMT menggunakan analisis faktor. Instrumen kajian adalah borang soal selidik. Sampel kajian terdiri daripada 120 orang pelajar UMT yang diambil secara rawak. Dapatkan kajian mendapat 6 faktor penggunaan internet manakala 7 komponen tahap kemahiran komputer dan internet pelajar UMT. Faktor yang mempengaruhi penggunaan internet ialah rujukan dan sumber maklumat, cara berhubung, kualiti dan perkhidmatan, hiburan, tempat dan kekerapan. Komponen kemahiran komputer dan internet ialah aplikasi internet, *programming*, *statistic programming*, penggunaan *Microsoft Office*, pusat komputer, kursus dan inisiatif lain untuk belajar. Penggunaan internet mendapat sambutan disebabkan oleh banyak faktor yang diperoleh dan analisis faktor merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mengenalpasti faktor-faktor tersebut.

FACTOR ANALYSIS ON INTERNET USAGE – CASE STUDY AMONG THE STUDENT OF UMT

ABSTRACT

Internet is a very influential communicational tool. There are some factors that influenced the usage of internet. The purpose of this research is to analyze the main factor that influence in using the internet and the stage of their skill in computer and internet by using factor analysis. Research instrument is questionnaire form. The sample took randomly from 120 students of UMT. The result show 6 factors that influence in using internet among students while 7 components of their skills in computer and internet. Factors which influenced the internet use are as reference and information source, way relating, quality and service, as entertainment, place and frequency. Component of their skills are internet application, programming, statistic programming, Microsoft Office's use, computer centre, attend course and other initiatives for study. The internet usage receives a good attention because a lot of factors gained and factor analysis is the one method used to identify that factor.

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN DAN PENGESAHAN LAPORAN MAT 4499B	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
 BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Objektif	3
1.5 Skop Kajian	3
1.6 Kepentingan Kajian	4
 BAB 2 SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pendahuluan	5
2.2 Analisis Faktor	5
2.3 Penyelidikan Berkaitan Penggunaan Internet	7
 BAB 3 METODOLOGI	
3.1 Pendahuluan	10
3.2 Teknik Kajian	10
3.3 Sampel	11
3.4 Penggunaan Program Komputer	11
3.5 Model Analisis Faktor	12
3.6 Penganalisaan Data	14
3.7 Prosedur Analisis	15

BAB 4 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	
4.1 Pendahuluan	19
4.2 <i>Reliability Analysis</i>	19
4.3 Faktor Penggunaan Internet	
4.3.1 Perihalan Statistik	20
4.3.2 Ujian KMO dan <i>Bartlett</i>	21
4.3.3 Komunaliti	22
4.3.4 Jumlah Varians	23
4.3.5 <i>Scree Plot</i>	23
4.3.6 Matriks Komponen	24
4.4 Tahap Kemahiran Komputer dan Internet	
4.4.1 Perihalan statistik	28
4.4.2 Ujian KMO dan <i>Bartlett</i>	30
4.4.3 Komunaliti	30
4.4.4 Jumlah Varians	31
4.4.5 <i>Scree Plot</i>	32
4.4.6 Matriks Komponen	33
4.5 Kesimpulan	36
BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 Pendahuluan	37
5.2 Rumusan Kajian	
5.2.1 Faktor Penggunaan Internet	38
5.2.2 Tahap Kemahiran Komputer dan Internet	40
5.3 Cadangan	41
5.4 Kesimpulan	42
RUJUKAN	43
LAMPIRAN	
BIODATA PENULIS	

SENARAI JADUAL

No Jadual		Halaman
Jadual 3.1	Jadual Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)	16
Jadual 4.1	Perihalan Statistik	20
Jadual 4.2	Ujian KMO dan <i>Bartlett</i>	21
Jadual 4.3	<i>Communalities</i>	22
Jadual 4.4.1	Matriks Komponen	24
Jadual 4.4.2	Ringkasan Setiap Faktor	25
Jadual 4.5	Matriks Komponen Selepas Putaran	25
Jadual 4.6	Analisis Jadual 4.5	26
Jadual 4.7	Perihalan Statistik	28
Jadual 4.8	Ujian KMO dan <i>Bartlett</i>	30
Jadual 4.9	<i>Communalities</i>	31
Jadual 4.10.1	Matriks Komponen	33
Jadual 4.10.2	Ringkasan setiap faktor	34
Jadual 4.11.1	Matriks Komponen Selepas Putaran	34
Jadual 4.11.2	Analisis Jadual 4.11.1	35

SENARAI RAJAH

HALAMAN

Rajah 4.1 <i>Scree Plot</i>	23
Rajah 4.2 <i>Scree Plot</i>	32

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN

- A** Borang Soal Selidik
- B** *Reliability Analysis*
- C** Output SPSS (Faktor Penggunaan Internet)
- D** Matriks Korelasi
- E** Jumlah Varians
- F** Output SPSS (Tahap Kemahiran Komputer dan Internet)
- G** Matriks Korelasi
- H** Jumlah Varians

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Internet atau ‘International Network of Networks’ ialah sebuah rangkaian gergasi komputer di peringkat antarabangsa dan merupakan cara komputer berkomunikasi antara satu sama lain. Internet merupakan satu rangkaian antarabangsa yang merangkaikan beribu-ribu sistem komputer samada di rumah, pejabat, organisasi atau institusi, dengan menggunakan bahasa komputer. Setiap rangkaian yang disambung ke internet boleh di pecahkan kepada rangkaian yang lebih kecil. Jaringan elektronik ini menghubungkan manusia dengan manusia lain diseluruh dunia. Penggunaan internet adalah salah satu contoh teknologi perhubungan yang tercanggih masa kini. Menurut Dr. Mohamed (1996) internet membolehkan komputer berkomunikasi untuk memindahkan maklumat di antara satu tempat dengan satu tempat lain. Internet sudah mula menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat moden hari ini.

Internet merupakan salah satu komponen yang penting di dalam era ledakan maklumat secara global dan maklumat yang diperolehi adalah tanpa sempadan kerana

internet menyediakan kemudahan mel elektronik, berita dan perkhidmatan maklumat pada kos yang rendah. Ia merangkumi lebih daripada 8,000 kumpulan diskusi elektronik. Antara program lain yang terkandung dalam internet ialah berkomunikasi melalui *Internet Relay Chat* (IRC), *world wide web* (*www*) dan lain-lain. Contohnya, melalui *www* pengguna boleh melihat hampir 3 juta *homepage* yang menyediakan pelbagai informasi seperti data perniagaan, pelajaran, berita, liputan berita daripada negara lain, artikel, jurnal dan majalah dari seluruh negara. Kepentingan internet tidak dapat dinafikan dalam era ledakan maklumat ini. Tambahan pula internet dapat membolehkan seseorang individu memperolehi sumber maklumat di hujung jari mereka.

1.2 Latar Belakang Kajian

Internet kerap kali disalahertikan oleh banyak pihak yang mana mereka berpendapat pengguna menggunakan internet untuk tujuan yang tidak berfaedah. Namun begitu, tidak semua pengguna menggunakan internet untuk tujuan yang tak bermanfaat, hanya segelintir sahaja yang menggunakan internet untuk tujuan tersebut. Bagi pelajar, internet merupakan aset penting kepada mereka kerana kemudahan internet yang disediakan ini dapat membantu mereka dari segi pelajaran.

Walau bagaimanapun, apakah faktor-faktor kemudahan internet digunakan di kalangan pengguna? Adakah kerana semata-mata untuk pelajaran? atau untuk tujuan perniagaan? atau mungkin juga sebaliknya? Jadi, untuk membuktikannya, satu kajian yang terperinci akan dilakukan.

Kajian yang dijalankan ini untuk mengkaji dan menentukan faktor-faktor utama penggunaan internet di kalangan pelajar. Faktor ini akan dikaji menggunakan pendekatan faktor analisis bagi menilai beberapa faktor yang akan digunakan untuk menentukan faktor-faktor utama penggunaan internet di kalangan pelajar UMT di samping untuk mengetahui tahap kemahiran dan komputer mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor utama penggunaan internet di kalangan pengguna. Secara umumnya, pengguna menggunakan kemudahan internet ini adalah untuk melayari www bagi mencari maklumat tentang pelajaran dan lain-lain. Di sini, kita dapat lihat kebanyakan pengguna tidak jelas tentang faktor utama penggunaan internet digunakan. Maka, inilah yang menjadi masalah utama untuk kajian ini agar pengguna akan dapat mengetahui secara terperinci tentang faktor penggunaan internet yang mereka gunakan itu.

1.4 Objektif

Objektif utama kajian adalah untuk:

- (a) mengenal pasti faktor-faktor penggunaan internet di kalangan pelajar UMT dengan menggunakan kaedah faktor analisis..
- (b) mengetahui tahap kemahiran komputer dan internet di kalangan pelajar UMT.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat data tentang faktor-faktor dalam penggunaan internet di kalangan pelajar. Kajian ini akan melibatkan responden-responden yang dipilih di kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu. Seramai 120 orang responden akan dipilih secara rawak yang terdiri daripada pelajar Tahun 1, Tahun 2, Tahun 3 dan Tahun 4 meliputi kesemua 4 fakulti pengajian di UMT iaitu Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan (FASM) serta Fakulti Maritim dan Sains Marin (FMSM). Setiap responden akan diberikan borang soal selidik.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini sebenarnya dilakukan untuk mencari faktor-faktor utama yang mempengaruhi dalam penggunaan internet di kalangan pelajar. Justeru, dapat menjawab segala tanggapan sesetengah pihak yang berpendapat penggunaan internet lebih banyak memberi kesan negatif. Di samping itu dapat mengetahui tahap kemahiran komputer dan internet di kalangan pelajar UMT.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan kepentingan analisis faktor dan beberapa penyelidikan berkaitan penggunaan internet yang telah dilakukan. Analisis faktor adalah suatu kaedah yang dikelaskan dalam bidang ilmu statistik di bawah kumpulan pelbagai iaitu *multivariate*.

2.2 Analisis Faktor

Analisis faktor adalah satu metod statistik *multivariate* yang menerangkan hubungan antara sejumlah pembolehubah-pembolehubah yang saling *independent* antara satu sama lain. Analisis faktor juga digunakan untuk mengetahui faktor-faktor dominan dalam menjelaskan sesuatu masalah. Tujuan lain kaedah ini adalah untuk ringkasan data dan pengurangan data. Ringkasan data dilakukan dengan mengidentifikasi hubungan antara pembolehubah dengan melakukan ujian korelasi atau disebut juga *R Faktor Analysis*. Manakala pengurangan data ialah proses membuat sebuah

pembolehubah set baru yang dinamakan faktor untuk menggantikan sejumlah pembolehubah tertentu dilakukan selepas ujian korelasi.

Menurut Kerlinger (1993) analisis faktor merupakan ratu atau primadona cara analisis yang berhubung kait dengan kekuatan, keluasan dan pendekatannya dengan hakikat maksud dan penelitian. Dengan lebih jelas lagi, analisis faktor berfungsi dalam kegiatan ilmiah kerana dapat mengurangkan penggandaan ujian dan pengukuran hingga menjadi lebih sederhana.

Frutcher,B (1954) mengesahkan analisis faktor adalah satu cara untuk menganalisis sejumlah pemerhatian yang dikira dari segi interkorelasinya. Cara ini pada mulanya digunakan untuk menetapkan apakah kepelbagaiannya yang terdapat dalam pemerhatian yang besar berdasarkan pada sejumlah kategori utama yang mana jumlahnya lebih sedikit daripada yang diperolehi. Secara terperinci, sejumlah besar ukuran dapat dijelaskan dengan pembolehubah yang jumlahnya lebih sedikit.

Selain bidang matematik, analisis faktor juga digunakan dalam bidang psikologi. Minner (1992) menyebut bahawa analisis faktor dalam perkembangan *job families* dan *job analysis* bertujuan untuk memberi pemahaman yang sistematik tentang bagaimana setiap *job* itu berhubungan antara satu sama lain, iaitu dari segi tugas-tugas yang diperlukan dan ciri pelaksanaannya. Analisis faktor dalam dunia pekerjaan bertujuan untuk menyusun *job families*, iaitu dengan mengelompokkan beberapa tugas pekerjaan ke dalam faktor-faktor tertentu. Analisis faktor dalam konsep ini bersifat eksploratif, iaitu untuk melihat sejauh mana butir-butir kegiatan terbentuk dalam faktor-faktor tertentu.

2.3 Penyelidikan Berkaitan Penggunaan Internet

Mohd Hajiman (2002) mengkaji penggunaan internet dan faktor-faktor yang mempengaruhi pengguna di kalangan guru pelatih Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM). Tujuan utama kajian adalah untuk menyelidik bagaimana internet digunakan oleh guru-guru pelatih Maktab perguruan Batu Lintang (MPBL). Kajian ini cuba menjawab soalan-soalan berikut: Apakah tahap penggunaan Internet dikalangan guru-guru pelatih? Apakah tujuan pelajar menggunakan internet? Apakah faktor-faktor berkaitan yang mempengaruhi penggunaannya? Kajian ini menggunakan pendekatan tinjauan deskriptif untuk mengkaji ciri-ciri sosio-demografi dan faktor-faktor yang berkaitan (faedah relatif, kesesuaian, kerumitan, kepentingan dan interakiftiviti) dan perhubungannya dengan penggunaan internet. Alat kajian yang digunakan ialah soal selidik untuk mengumpul data daripada semua 10 pengajian ambilan Januari 2002. Namun begitu, teknik persampelan yang digunakan ialah kaedah rawak dari populasi 263 orang guru pelatih pengajian berkenaan. Bahagian pertama soal selidik merangkumi *item-item* berkenaan ciri-ciri sosio-demografi, bahagian kedua berkenaan kebolehan menggunakan kemudahan internet. Bahagian ketiga pula mempunyai *item-item* berkaitan dengan tujuan penggunaan internet dan bahagian akhir sekali adalah berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan internet.

Norzalita Abd Aziz (2000) membuat kajian tentang penggunaan internet sebagai sumber maklumat industri pelancongan di Malaysia. Kajian penerokaan ini bertujuan untuk mengenalpasti ciri-ciri demografi pengguna internet tempatan, maklumat keperluan pelancong serta ciri-ciri utama laman web pelancongan. Kajian ini juga menyelidik perhubungan di antara maklumat dan motif melancong di kalangan pengguna internet. Kajian ini merangkumi aspek-aspek untuk meningkatkan kesedaran terhadap penggunaan laman web sebagai sumber maklumat utama dalam industri pelancongan. Kajian ini telah dijalankan di sekitar Lembah Kelang yang menglibatkan 120 orang responden yang terdiri daripada para pekerja swasta dan awam yang mempunyai pendedahan dalam penggunaan internet. Alat pengutipan data

ialah soalselidik yang mengandungi 51 soalan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakkan pengguna internet berumur antara 20 hingga 35 tahun, berpendidikan tinggi, serta berpendapatan bulanan di antara RM3,000-RM5,000. Mereka mempunyai tanggapan yang positif terhadap maklumat laman web.

Ranjit Kaur et al. (2002) membuat satu tinjauan penggunaan internet di kalangan guru pelatih di Institut Bahasa Melayu Malaysia (IBMM), Kuala Lumpur ke arah pembelajaran elektronik. Kajian melibatkan guru pelatih Kursus Diploma Pendidikan Malaysia (KDPM) semester 2 dan 3 tahun 2000. Tinjauan ini dijalankan selama dua bulan dengan menggunakan tiga teknik, iaitu pengumpulan maklumat, pemerhatian dan senarai semak. Dapatan kajian melalui teknik ini kemudiannya ditriangulasi untuk mengesahkan dapatan tinjauan dan kebolehpercayaan data yang diperoleh. Keseluruhannya, didapati penggunaan kemudahan internet masih berada di tahap yang kurang memuaskan serta hanya terhad kepada penggunaan kemahiran asas dan mengakses tapak-tapak tertentu internet. Dapatan ini jelas memperlihatkan betapa pentingnya keperluan untuk melaksanakan tindakan susulan bagi meningkatkan penggunaan internet di kalangan guru pelatih ke arah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran elektronik. Ini selaras dengan misi IBMM ke arah merancang satu rekabentuk konseptual untuk pembelajaran elektronik yang akan dapat meningkatkan profesionalisme perguruan.

Surendran (2006) membuat kajian tentang tahap penggunaan internet sebagai sumber pengajaran di kalangan pensyarah UUM. Kajian berbentuk deskriptif ini menggunakan tiga pembolehubah tak bersandar iaitu tujuan penggunaan, kemahiran dan kekerapan untuk mengukur tahap penggunaan internet sebagai sumber pengajaran di kalangan pensyarah UUM. Sampel kajian ini terdiri daripada 255 orang pensyarah. Dapatan kajian menunjukkan para pensyarah sedar tentang kepentingan penggunaan internet dalam pengajaran. Walau bagaimanapun, tahap penggunaan internet sebagai sumber pengajaran adalah sederhana. Pensyarah hanya menerapkan penggunaan

internet terus ke dalam pengajaran yang hendak disampaikan. Kekerapan penggunaan internet sebagai sumber pengajaran adalah normal. Dapatan juga menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara kemahiran menggunakan internet dengan kekerapan dan tujuan penggunaan internet dengan kekerapan. Walaupun dapatan menunjukkan kemahiran menggunakan internet tinggi tetapi para pensyarah perlu diberi latihan dan kursus yang berterusan supaya mereka menjadi lebih mahir menggunakan Internet sebagai sumber pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan kaedah yang akan digunakan bagi mencapai objektif kajian. Selain itu, terdapat juga perbincangan tentang bagaimana kaedah ini digunakan dalam kajian ini. Kaedah sokongan turut digunakan iaitu penggunaan program komputer bagi menganalisis data dengan lebih cepat untuk memperoleh keputusan yang lebih tepat.

3.2 Teknik Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mencari faktor utama pelajar menggunakan kemudahan internet. Oleh itu, pemilihan data bagi kajian ini ialah dengan menggunakan borang soal selidik (*questionnaire form*). Malah daripada data yang diperoleh akan memudahkan proses analisis data. Jadi, borang soal selidik dijadikan sebagai alat kajian bagi mendapatkan maklumat.

Contoh borang soal selidik yang digunakan dalam kajian adalah seperti Lampiran A. Bagi kemudahan responden mengisi borang, borang soal selidik (*questionnaire form*) dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu :

- i) Bahagian A : latar belakang sosial responden
- ii) Bahagian B : faktor penggunaan internet
- iii) Bahagian C : tahap kemahiran komputer dan internet

3.3 Sampel

Sampel kajian akan diperoleh daripada borang soal selidik yang akan diedarkan kepada responden. Responden yang terlibat ialah di kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang diambil secara rawak daripada 4 fakulti UMT iaitu FST, FPE, FASM dan FMSM. Lokasi kajian melibatkan pelajar yang tinggal di dalam dan luar kampus. Jumlah responden yang terlibat ialah seramai 120 orang.

3.4 Penggunaan Program Komputer

Data yang akan diperoleh daripada borang soal selidik akan dianalisis dengan menggunakan program SPSS (*Statistical Package for Social Science*). Program SPSS boleh digunakan untuk menganalisis pelbagai jenis data. Analisis diskriptif (*Descriptive Analysis*) akan digunakan bagi mendapatkan maklumat tentang responden seperti jantina, faktor penggunaan internet dan sebagainya.

3.5 Model Analisis Faktor

Beberapa konsep analisis faktor akan diuraikan. Kefahaman konsep asas memudahkan lagi kajian yang akan dilakukan. Permulaannya ialah dengan beberapa pembolehubah iaitu X_1, X_2, \dots, X_p .

Dalam kajian ini model yang dicadangkan oleh A.A Afifi (1996) ialah :

$$\begin{aligned} X_1 &= I_{11}\lambda_1 + I_{12}\lambda_2 + I_{1m}\lambda_m + \ell_1 \\ X_2 &= I_{21}\lambda_1 + I_{22}\lambda_2 + I_{2m}\lambda_m + \ell_2 \\ &\cdots \cdots \cdots \cdots \\ X_p &= I_{p1}\lambda_1 + I_{p2}\lambda_2 + I_{pm}\lambda_m + \ell_p \end{aligned} \tag{3.1}$$

Model (3.1) dipermudahkan ke dalam bentuk matriks :

$$\begin{pmatrix} X_1 \\ X_2 \\ X_p \end{pmatrix} = \begin{pmatrix} I_{11} & I_{12} & I_{1m} \\ I_{21} & I_{22} & I_{2m} \\ I_{p1} & I_{p2} & I_{pm} \end{pmatrix} \begin{pmatrix} \lambda_1 \\ \lambda_2 \\ \lambda_m \end{pmatrix} + \begin{pmatrix} \ell_1 \\ \ell_2 \\ \ell_p \end{pmatrix} \tag{3.2}$$

di mana

X_1, X_2, \dots, X_p adalah pembolehubah yang diketahui.

I_{ij} adalah pemalar. *Loading* pembolehubah faktor ke- i dan ke- j .

λ_j adalah faktor ke- j .

Varians (X_i) = *communality* + spesifik varians (Richard, 2002)

Rumus spesifik varians :

$$\sigma_{ii}^2 = I_{i1}^2 + I_{i2}^2 + I_{im}^2 + \dots + \psi_i \quad (3.3)$$

Rumus *communality* :

$$(h_i)^2 = I_{i1}^2 + I_{i2}^2 + \dots + I_{im}^2 \quad (3.4)$$

Rumus kovarians :

$$Cov(x_i, x_k) = I_{i1}I_{k1} + \dots + I_{im}I_{km} \quad \text{atau}$$

$$Cov(x_i, \lambda_j) = I_{ij} \quad (3.5)$$

Persamaan (3.6) perlu dipertimbangkan.

$$\begin{aligned} A_1 &= a_{11}x_1 + a_{12}x_2 + \dots + a_{1n}x_n \\ A_2 &= a_{21}x_1 + a_{22}x_2 + \dots + a_{2n}x_n \\ &\dots \\ A_p &= a_{p1}x_1 + a_{p2}x_2 + \dots + a_{pn}x_n = \lambda x_n \end{aligned} \quad (3.6)$$

Persamaan (3.6) ini adalah untuk mencari nilai eigen dan vektor eigen di mana :

$$(A - \lambda I)x = 0 \quad \text{atau} \quad A_p = \lambda x_n$$

I adalah matriks identiti $n \times n$.

0 adalah vektor sifar yang berdimensi $n \times 1$.

Dengan mengira penentu bagi matriks $(A - \lambda I)x = 0$, nilai λ iaitu nilai eigen bagi matriks A akan diperoleh. Nilai eigen akan diperolehi sehingga n sebutan yang mana akan menggantikan λ_i ke dalam matriks $(A - \lambda I)x$. Persamaan dapat diselesaikan secara unik dengan penetapan $x_i = 1$.

Maka nilai vektor x adalah :

$$x_i = \begin{bmatrix} 1 \\ x_{2i} \\ x_{ni} \end{bmatrix}$$

di mana :

x_i adalah vektor eigen bagi matriks A . Hasil tambah nilai eigen adalah sama dengan jumlah bilangan lajur atau baris matriks A .

3.6 Penganalisaan Data

Pertimbangkan model umum :

$$X_i = a_{i1}F_1 + a_{i2}F_2 + \dots + a_{im}F_m + e_i \quad (3.7)$$

$\therefore x_i$ adalah sektor ujikaji dengan mins dan varians yang bernilai sifar dan satu.

$\therefore X_i = a_{i1} + a_{i2} + \dots + a_{im}$ adalah faktor muatan.

$\therefore F_1, F_2, \dots, F_m$ adalah faktor sepunya yang saling tidak berkorelasi dengan mins dan varians yang bernilai sifar dan satu.

$\therefore e_i$ adalah faktor khusus yang hanya untuk kajian ke- i . di mana ia tidak

berkorelasi dengan faktor umum dan minnya adalah sifar.

Daripada model :

$$\begin{aligned}Var(x_i) &= 1 = a_{i1}^2 \text{ var } F_1 + a_{i2}^2 \text{ var } F_2 + \dots + a_{im}^2 \text{ var } F_m + \text{var } e_i \\&= a_{i1}^2 + a_{i2}^2 + \dots + a_{im}^2 + \text{var } e_i\end{aligned}\quad (3.8)$$

$a_{i1}^2 + a_{i2}^2 + \dots + a_{im}^2$ adalah *communality* bagi x_i .

$\text{var } e_i$ adalah nilai khusus bagi x_i .

Nilai korelasi bagi x_i dan x_j adalah seperti persamaan (3.9) dan $-1 \leq a_{ij} \leq 1$ sebagai syarat batasan *communality*.

$$r_{ij} = a_{i1}^2 a_{j1} + a_{i2}^2 a_{j2} + \dots + a_{im}^2 a_{jm} \quad (3.9)$$

3.7 Prosedur Analisis

Tiga fasa utama yang perlu dipenuhi untuk menyempurnakan analisis faktor seperti yang dinyatakan oleh Lian (2004). Pertama ialah mencari muatan faktor. Kedua, menentukan putaran faktor. Ketiga, mengira skor faktor. Analisis data dapat mencari faktor yang terbanyak, sederhana dan paling sedikit. Faktor yang paling banyak dipilih akan dijadikan faktor utama.

Matriks korelasi adalah matriks pepenjuru bagi pekali antara satu pembolehubah dengan pembolehubah yang lain dalam kajian ini. Pekali bagi setiap pembolehubah dengan dirinya sendiri mestilah bernilai 1. Jadi, semua komponen pada garis pepenjuru matriks mestilah bernilai 1.

Ujian Kaiser-Mayer-Olkin (KMO) dilakukan bagi mengukur kebolehan atau kecukupan persampelan. Analisis Faktor dapat diteruskan apabila nilai ujian KMO melebihi 0.5. Jika nilai ujian KMO kurang daripada 0.5, maka bilangan data perlu

ditambah supaya nilai KMO turut bertambah bagi memperoleh keputusan yang lebih jitu. Jadual 3.1 menunjukkan Jadual Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) :

Jadual 3.1 Jadual Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)

Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)	
Menakjubkan (<i>Marvellous</i>)	0.9s
Sangat Baik (<i>Meritorious</i>)	0.8s
Baik (<i>Middling</i>)	0.7s
Sederhana (<i>Mediocre</i>)	0.6s
Boleh diterima (<i>Miserable</i>)	0.5s
Tidak diterima (<i>Unacceptable</i>)	<i>Below 0.5s</i>

Scree plot adalah graf nilai eigen melawan kesemua faktor. *Scree plot* digunakan untuk mengenalpasti bilangan faktor yang dipilih dalam faktor analisis. Bilangan faktor yang dipilih mestilah nilai eigen adalah 1 atau lebih besar daripada 1.

Fasa 1 : Mencari muatan faktor

Fasa ini dibuat melalui analisis komponen utama di mana komponen itu mempunyai nilai eigen yang tinggi akan dipilih sebagai faktor tidak putar.

$$\begin{aligned}
 Z_1 &= b_{11}x_1 + b_{12}x_2 + b_{13}x_3 + \dots + b_{1p}x_p \\
 Z_2 &= b_{21}x_1 + b_{22}x_2 + b_{23}x_3 + \dots + b_{2p}x_p \\
 &\dots\dots\dots \\
 Z_p &= b_{p1}x_1 + b_{p2}x_2 + b_{p3}x_3 + \dots + b_{pp}x_p
 \end{aligned} \tag{4.0}$$

Dengan b_{ij} adalah unsur vektor eigen dalam matriks korelasi. Disebabkan penerjemahan skor X kepada skor Z bersifat ortogonal, maka persamaan (4.0) menjadi :

$$\begin{aligned} X_1 &= b_{11}Z_1 + b_{12}Z_2 + b_{13}Z_3 + \dots + b_{p1}Z_p \\ X_2 &= b_{21}Z_1 + b_{22}Z_2 + b_{23}Z_3 + \dots + b_{p2}Z_p \\ &\dots\dots\dots \\ X_p &= b_{1p}Z_1 + b_{2p}Z_2 + b_{3p}Z_3 + \dots + b_{pp}Z_p \end{aligned} \tag{4.1}$$

Dengan memilih m komponen utama, persamaan (4.1) menjadi :

$$\begin{aligned} X_1 &= b_{11}Z_1 + b_{12}Z_2 + b_{13}Z_3 + \dots + b_{m1}Z_m + e_1 \\ X_2 &= b_{21}Z_1 + b_{22}Z_2 + b_{23}Z_3 + \dots + b_{m2}Z_m + e_2 \\ &\dots\dots\dots \\ X_p &= b_{1p}Z_1 + b_{2p}Z_2 + b_{3p}Z_3 + \dots + b_{mp}Z_m + e_p \end{aligned} \tag{4.2}$$

yang mana e_i adalah gabungan linear bagi komponen utama Z_{m+1} sehingga Z_p .

Fasa 2 : Menentukan putaran faktor

$$\begin{aligned} X_1 &= a_{11}^*F_1^* + a_{12}^*F_2^* + \dots + a_{1m}^*F_m^* + e_1 \\ X_2 &= a_{21}^*F_1^* + a_{22}^*F_2^* + \dots + a_{2m}^*F_m^* + e_2 \\ &\dots\dots\dots \\ &\dots\dots\dots \end{aligned} \tag{4.3}$$

$$X_p = a_{p1}^* F_1^* + a_{p2}^* F_2^* + \dots + a_{pm}^* F_m^* + e_p$$

dengan F_i^* adalah faktor baru dan a_{ij}^* adalah muatan faktor baru.

Fasa 3 : Mengira skor faktor

Fasa ini dilaksanakan menggunakan persamaan (4.3). Skor faktor, $F^* = (A^T A)^{-1} A^T X$ di mana $F^{*T} = (F_1^*, F_2^*, \dots, F_m^*)$, $X_T = (X_1, X_2, \dots, X_p)$ dan A adalah matriks muatan faktor yang diberi pada persamaan (4.3).

BAB 4

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan dan menguraikan dapatan yang diperolehi dalam kajian ini iaitu faktor yang mempengaruhi penggunaan internet di kalangan pelajar UMT serta tahap kemahiran komputer dan internet mereka. Dapatan kajian yang akan dibincangkan termasuklah pencarian faktor utama yang mempengaruhi penggunaan internet di kalangan pelajar serta tahap penggunaan internet dan komputer.

4.2 Reliability Analysis

Sebelum borang soal selidik diedarkan kepada responden, ia diuji terlebih dahulu menggunakan *Reliability Analysis* bagi menguji kesahihan borang soal selidik ini. Analisis ini dijalankan bagi mengenalpasti kesesuaian soalan soal selidik, yang mana pembolehubah yang tidak berkaitan akan dibuang daripada borang soal selidik. Untuk menentukan sama ada pembolehubah perlu dibuang atau ditambah dala borang soal

selidik adalah bergantung kepada nilai α -cronbach mestilah melebihi 0.6. Daripada analisis yang dijalankan, didapati nilai α -cronbach yang diperoleh bagi kajian ini adalah 0.7752 (Lampiran B).

4.3 Faktor Penggunaan Internet

4.3.1 Perihalan Statistik

Jadual 4.1 Perihalan Statistik

	Mean	Std. Deviation
kampus(wireless)	1.17	.374
cybercafe	1.38	.488
kelajuan internet	4.27	1.121
harga	4.15	1.090
perkhidmatan	4.02	1.115
kekerapan menggunakan internet	2.23	1.141
sebagai hiburan	3.33	1.374
isi masa lapang	3.19	1.324
hilangkan bosan	3.22	1.330
bahan rujukan	4.10	1.226
kursus secara talian	3.69	1.448
hubungi rakan	3.88	1.199
google/yahoo search	4.46	.925
website	4.22	.900
chatting	3.17	1.337
friendster/facebook/tagged	3.57	1.282
menghantar tugas	3.48	1.353
terima nota kuliah	3.78	1.393
cara berhubung dengan rakan	3.85	1.179

Jadual 4.1 menunjukkan min bagi pencarian maklumat melalui “*google/yahoo search*” adalah yang paling tinggi iaitu sebanyak 4.46. Ini menunjukkan bahawa bahawa faktor pencarian maklumat menggunakan *google/yahoo search* paling mempengaruhi penggunaan internet di kalangan pelajar UMT. Dapatan kajian mendapati faktor *chatting* memberikan min paling rendah iaitu 3.17. Bagi pemilihan tempat untuk melayari internet, para pelajar lebih suka menggunakan kemudahan *cybercafé* berbanding dengan kemudahan *wireless* yang disediakan di kampus, iaitu min bagi *cybercafé* sebanyak 1.38 lebih tinggi berbanding min bagi kampus hanya 1.17.

4.3.2 Ujian Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) dan Bartlett

Jadual 4.2 Ujian KMO dan Bartlett

Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy.		.761
Bartlett's Test of Sphericity	Approx. Chi-Square	1215.606
	df	171
	Sig.	.000

Dapatan kajian menunjukkan ujian KMO memberikan nilai sebanyak 0.761. Maka, analisis faktor dapat diteruskan. Ujian kebundaran *Bartlett* adalah bererti di mana kebarangkaliannya kurang daripada 0.05 dengan nilai 0.000. Ini bermakna matriks adalah matriks korelasi dan bukan matriks identiti.

4.3.3 Komunaliti

Jadual 4.3 *Communalities*

	Extraction
kampus(wireless)	.785
cybercafe	.660
kelajuan internet	.761
harga	.783
perkhidmatan	.718
kekerapan guna intrnet	.784
sebagai hiburan	.826
isi masa lapang	.892
hilangkan bosan	.888
bahan rujukan	.691
kursus secara talian	.702
menghubungi rakan	.705
google/yahoo search	.682
website	.609
chatting	.711
friendster/facebook/tagged	.812
hantar tugas	.668
terima nota kuliah	.775

Extraction Method: Principal Component Analysis.


Komunaliti bertujuan untuk mengukur peratus varians dalam pembolehubah yang diberi untuk menerangkan semua faktor. Didapati bahawa faktor “mengisi masa lapang” adalah paling tinggi perwakilannya dalam ruang faktor yang dikaji iaitu 0.892 atau sebanyak 89.2 peratus manakala “melayari website” adalah paling rendah perwakilannya iaitu sebanyak 0.609 atau 60.9 peratus.

4.3.4 Jumlah Varians

Dapatan daripada (Lampiran E) mendapat terdapat 6 komponen yang memberikan nilai eigen lebih besar atau sama dengan 1. Jadi, hanya 6 komponen sahaja yang akan dipilih. Komponen 1 bernilai 5.382, diikuti komponen 2 bernilai 2.801, komponen 3 bernilai 2.331, komponen 4 bernilai 1.385, komponen 5 bernilai 1.178 dan komponen 6 bernilai 1.048.

4.3.5 Scree Plot

Rajah 4.1 Scree Plot



Melalui *scree plot*, kita dapat mengenal pasti bilangan faktor yang dipilih. Titik yang penting adalah pada lengkung yang mulai menurun. Berdasarkan graf di atas, didapati bahawa komponen 8 hingga 9 hampir lurus. Scree plot hanyalah anggaran kepada

faktor yang dipilih sahaja. Jadi, bilangan faktor yang dipilih bagi kajian ini ialah 6 faktor.

4.3.6 Matriks Komponen

Jadual 4.4.1 Matriks Komponen

	Component					
	1	2	3	4	5	6
cara berhubung dengan rakan	.721					
hilangkan bosan	.703			-.412		
google/yahoo search	.699					
isi masa lapang	.663			-.459		
bahan rujukan	.632	.483				
terima nota kuliah	.627	.506				
website	.622					
hantar tugas	.619	.403				
sebagai hiburan	.602	-.447				
kursus secara talian	.582	.521				
friendster/facebook/tagged	.408	-.677		.416		
chatting	.485	-.625				
menghubungi rakan	.454	-.624				
kelajuan internet			.749			
harga			.733			
perkhidmatan			.727			
kampus(wireless)					.771	
kekerapan guna internet					.427	.635
cybercafe			-.459		-.410	.468

a. 6 components extracted.

Jadual 4.4.1 menunjukkan pengasingan matriks komponen iaitu pembolehubah diasingkan mengikut faktor tertentu dengan nilai skor bagi faktor masing-masing. Dapatan pada Jadual 4.4.1 dapat diringkaskan seperti Jadual 4.4.2.

Jadual 4.4.2 Ringkasan setiap faktor

Faktor	Item
1	1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13
2	5, 6, 8, 10
3	14, 15, 16
4	11
5	17, 18
6	18, 19

Jadual 4.5 Matriks Komponen Selepas Putaran

	Component					
	1	2	3	4	5	6
terima nota kuliah	.873					
hntar tugasan	.798					
bhn rujukan	.797					
krsus secara talian	.797					
google/yahoo search	.654					
friendster/facebook/tagged		.894				
hubungi rakan		.809				
chatting		.804				
cara brhubung dengan rakan		.626				
harga			.877			
kelajuan internet			.848			
perkhidmatan			.827			
isi masa lapang				.897		
hilangkan bosan				.874		
sebagai hiburan				.847		

kampus(wireless)					.780	
cybercafe					.715	
website					.405	
kekerapan guna internet					.869	

a Rotation converged in 5 iterations.

Daripada Jadual 4.5, didapati terdapat 6 faktor yang mempengaruhi pelajar dalam penggunaan internet. Jadual 4.6 menunjukkan rumusan keenam-enam faktor tersebut.

Jadual 4.6 Analisis Jadual 4.5

Faktor	Pernyataan	Faktor Skor	Rumusan
1	Menerima nota kuliah daripada pensyarah	.873	Rujukan dan sumber maklumat
	Menghantar tugas kepada pensyarah	.798	
	Sebagai bahan rujukan kursus yang diambil	.797	
	Mengikuti kursus yang diambil secara talian	.797	
	Pencarian maklumat (<i>google/yahoo search</i>)	.654	
2	Menghubungi rakan melalui <i>friendster/ facebook/tagged/myspace</i> dan lain-lain	.894	Cara berhubung
	Untuk menghubungi rakan-rakan	.809	
	<i>Chatting</i> melalui <i>Yahoo Messenger/Skype/IRC</i> dan lain-lain	.804	
	Sebagai salah satu cara menghubungi rakan	.626	
3	Harga yang ditawarkan	.877	Kualiti dan
	Kelajuan internet	.848	

	Perkhidmatan yang ditawarkan	.827	perkhidmatan
4	Mengisi masa lapang	.897	Hiburan
	Untuk menghilangkan kebosanan	.874	
	Sebagai hiburan	.847	
5	Kampus (<i>wireless</i>)	.780	Tempat
	Cybercafé	.715	
	Melayari <i>website</i>	.405	
6	Kekerapan menggunakan internet	.869	Kekerapan

Berdasarkan Jadual 4.6, Faktor 1, 2, 3, 4, 5 dan 6 masing-masing boleh dirumuskan sebagai Faktor 1 : Rujukan dan sumber maklumat, Faktor 2 : Cara berhubung, Faktor 3 : Kualiti dan perkhidmatan, Faktor 4 : Hiburan, Faktor 5 : Tempat, Faktor 6 : Kekerapan.

4.4 Tahap Kemahiran Komputer dan Internet

Analisis juga dijalankan untuk melihat tahap kemahiran komputer dan internet yang dimiliki oleh responden.

4.4.1 Perihalan Statistik

Jadual 4.7 Perihalan Statistik

	Mean	Std. Deviation
kursus	1.84	.430
pusat komputer	1.85	.359
melalui rakan	1.37	.484
belajar sendiri	1.23	.419
email	1.17	.374
layari www	1.18	.389
search	1.05	.219
akaun	1.24	.430
MS Tools	1.23	.419
MS Access	1.04	.201
MS Excel	1.78	.049
MS Outlook	1.03	.374
MS PowerPoint	1.78	.448
MS Word	1.73	.180
MS Publisher	1.72	.453
JAVA	1.70	.460
C++	1.79	.408
MAPLE	1.60	.402
MATLAB	1.38	.322
SPSS	1.59	.494

Dalam kajian ini, kemahiran komputer dan internet dibahagikan kepada 4 bahagian utama seperti dalam Jadual 4.7.

Kemahiran menggunakan komputer dan melayari internet banyak diperolehi di pusat komputer. Ini ditunjukkan dalam Jadual 4.7 melalui nilai min tertinggi (1.85) dan nilai sisihan piawai terendah (0.359). bagi “pusat komputer”. Manakala kaedah belajar sendiri menunjukkan nilai min terendah (1.23).

Bagi aplikasi internet seperti email, melayari www, menggunakan akaun seperti *yahoo/frindster/tagged* dan *search*, nilai min tertinggi (1.24) adalah bagi “penggunaan akaun”. Manakala *search* merujuk kepada *Google/Yahoo search* menunjukkan nilai min terendah (1.05).

